

13 DEC 2002

Mahathir-Mesyuarat/I

DR MAHATHIR MULAKAN LAWATAN HARI KEDUA DENGAN MESYUARAT SARAPAN PAGI

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan lawatan hari keduanya di sini hari ini dengan mengadakan mesyuarat sarapan pagi bersama-sama ahli perniagaan dan pemimpin korporat Jepun.

Sembilan pemimpin korporat Jepun menghadiri pertemuan selama satu setengah jam yang diadakan di Hotel Imperial iaitu tempat Perdana Menteri menginap.

Mereka ialah Presiden Mitsubishi Motor Corporation Rolf Eckroot; Naib Presiden Hitachi Ltd Yoshio Kuwata; Presiden Tokyo Mitsubishi Bank Ltd Shigemitsu Miki; Naib Presiden Eksekutif Mitsui & Co. Ltd Hiroshi Nagata; Presiden Matsushita Electric Industrial Co. Kunio Nakamura; Presiden Sumitomo Corporation Motoyuki Oka; Presiden Mitsubishi Corporation Mikio Sasaki; Penasihat Korporat Sharp Corporation Datuk Huruo Tsuji dan Presiden Daihatsu Co. Takaya Yamada.

Turut hadir ialah Duta Jepun ke Malaysia Masaki Konishi dan Duta Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohammad Noor.

Semasa bercakap kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri selepas mesyuarat berkenaan, Nagata berkata mesyuarat itu antara lain membincangkan isu dan masalah semasa seperti bagaimana mempertingkatkan usaha sama antara Jepun-Malaysia, mengurangkan kos pengeluaran serta pembangunan penyelidikan dan teknologi.

Katanya isu berkaitan China turut menguasai perbincangan.

Ditanya mengenai apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri berkaitan China, beliau berkata: "Setiap orang perlu bersaing dengan rakyat China serta barangan keluaran China dan bagi Malaysia ialah bagaimana untuk mengurangkan kos serta membangunkan aktiviti penyelidikan dan teknologi serta latihan untuk rakyatnya."

Nagata berkata Dr Mahathir juga menyebut bahawa Malaysia bersedia untuk mengejar teknologi maju dari Jepun dan belajar bagaimana mengurangkan kos peralatan.

Nagata, yang juga Presiden Chemical Group Mitsui berkata adalah penting bagi pengeluaran tempatan untuk mengurangkan kos bagi alat ganti dan komponen, berbanding dengan mengimport semua peralatan itu dari Jepun yang memerlukan kos yang tinggi.

Katanya, Dr Mahathir juga menyatakan mengenai kepentingan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris serta keperluan bagi latihan teknikal untuk menghasilkan sumber tenaga mahir di Malaysia.

"Saya fikir dalam jangka panjang program pendidikan seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri berkaitan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris amat penting untuk menghasil dan mendidik rakyat. Saya difahamkan hari ini bahawa sebuah Universiti Teknikal Jepun akan ditubuhkan di Malaysia dan ini amat mustahak," kata beliau.

Selepas itu, Dr Mahathir meluangkan masa untuk melawat taman tema Tokyo Disney Sea, iaitu yang pertama seumpamanya di dunia, untuk menyaksikan rekaan terbarunya dan teknologi serta produk animasi terkini.

Beliau kemudiannya akan menerima kunjungan Menteri Kewangan Jepun Masajuro Shiokawa, yang juga Pengerusi Persatuan Malaysia-Jepun.

Pada sebelah tengah hari, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan pada simposium mengenai Islam bertajuk "Islam: Menggalakkan Keamanan dan Dialog Dalam Dunia Salingbergantungan," yang akan diadakan di Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu.

Simposium itu dianjurkan oleh Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu, duta negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Jawatankuasa Anggota Parlimen Jepun Mengenai Islam, yang ditubuhkan selepas serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat bagi menangani isu-isu dan perkara-perkara berkaitan Islam, iaitu yang pertama seperti itu yang diadakan di sini.

Dr Mahathir akan mengadakan dialog dan sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapтамanya.

Perdana Menteri juga dijadual berlepas ke Sendai, di utara Tokyo untuk lawatan peribadi.

Beliau dijangka pulang dengan jet eksekutif dari Lapangan Terbang Sendai pada 4 petang (3 petang waktu Malaysia) 17 Disember.

-- BERNAMA

HS HS ROS